

13/08/1999

Penyokong parti lawan perlu sedar diperalat pemimpin

SEREMBAN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu penyokong parti pembangkang sedar bahawa mereka diperalatkan oleh pemimpin sendiri yang sebenarnya mengikut telunjuk kuasa asing.

Perdana Menteri berkata, pihak asing itu pula tidak lagi berselindung atau malu memberikan sokongan serta menentukan siapa yang sepatutnya menjadi pemimpin negara.

"Adakah kita rela membiarkan negara kita terus dijajah dan ditadbirkan orang luar walaupun kita sudah merdeka sejak 42 tahun lalu?

"Mereka tidak akan menghantar tentera untuk menjajah, tetapi bentuk penjajahan berlainan pula iaitu untuk meraih kekayaan negara," kata beliau di majlis jamuan Mesra Bersama Perdana Menteri di Padang NS di sini malam ini.

Majlis itu yang terbesar diadakan di sini apabila kira-kira 25,000 pemimpin dan penyokong Barisan Nasional (BN) hadir. Ia turut diserikan dengan persembahan kebudayaan.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Dr Mahathir berkata, rakyat negara ini tidak akan menyerahkan hak mereka kepada orang lain di samping tidak membenarkan orang lain campur tangan dalam urusan negara.

Beliau turut menyentuh kenyataan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, kerana menuduh beliau menakut-nakutkan rakyat dengan membangkitkan pergaduhan kaum pada 13 Mei 1969.

Perdana Menteri berkata, perkara itu beliau lakukan sebagai ingatan kepada rakyat betapa pentingnya mereka mengekalkan perpaduan kerana ia adalah asas penting negara ini yang penduduknya berbilang kaum.

Sebenarnya, kata Dr Mahathir, Kit Siang dan rakannya tidak peka terhadap pentingnya hubungan erat kaum di negara ini.

Sebelum itu ketika meletakkan batu asas Sekolah Menengah Agama daerah Kuala Pilah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pegangan Islam Pas hanya terhad untuk mendapatkan undi dalam pilihan raya walaupun undi itu adalah daripada musuh parti itu.

Perdana Menteri berkata, parti itu tidak akan bekerjasama dengan parti lain jika tidak boleh mendapat undi.

"Apabila Pas mendapati pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi, mereka sanggup bekerjasama dengan pihak yang bermusuhan dengan Pas.

"DAP umpamanya dengan terang-terang menentang rancangan Pas menubuhkan negara Islam. Ini bermakna parti itu bermusuhan dengan Pas," katanya.

(END)